

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 JULY 2016

Faktor 4K perlu dipertahankan: PM

BH - 25/7/2016

➔ Rakyat kena
hargai
keamanan,
keharmonian,
kestabilan dan
kemakmuran
negara

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
shaka@bh.com.my

✦ **Bagan Datoh**

Datuk Seri Najib Razak menegaskan, empat faktor perlu dipertahankan dan dihargai oleh rakyat negara ini bagi membolehkan Malaysia bersama warganya dapat terus maju ke hadapan.

Perdana Menteri berkata, faktor '4K' iaitu Keamanan, Keharmonian, Kestabilan dan Kemakmuran memang tidak boleh dinafikan.

"Kita menghargai nilai keamanan kerana di sesetengah negara,

perayaan besar-besaran tidak boleh diadakan kerana akan berlaku sesuatu yang amat dahsyat sehingga memusnahkan harta benda dan nyawa," katanya.

Najib berkata demikian ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri 2016 di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Hutan Melintang yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di sini, malam tadi.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; isteri Ahmad Zahid, Datin Seri Hamidah Khamis; Menteri Besar

Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli serta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Aziz.

Kekalkan keharmonian kaum

Perdana Menteri berkata, keharmonian antara kaum juga perlu terus kekal kerana ia membolehkan masyarakat dari pelbagai latar belakang dapat hidup bersama dan sebarang perayaan boleh diadakan serta disambut oleh semua rakyat.

"Selain itu, kestabilan terutama kestabilan politik penting untuk memberi keyakinan kepada

orang ramai, termasuk masyarakat antarabangsa. Kemakmuran yang dikecapi dalam negara pula membolehkan kerajaan terus bantu rakyat walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu dan harga minyak merudum," katanya.

Pada majlis berkenaan, Najib turut mengumumkan beberapa projek untuk manfaat penduduk Bagan Datoh, iaitu pembinaan jambatan Bagan Datoh-Pasir Salak bernilai RM350 juta, Maktab Rendah Sains MARA (RM150 juta), naik taraf jalan dua hala Bagan Datoh-Hutan Melintang (RM90) juta dan politeknik (RM220 juta).

